



• 'Gedung Kuning' di sebelah gerbang depan Istana Kampong Glam.

DI sebelah gerbang depan Istana Kampong Glam terletak sebuah rumah besar yang dikenali di kalangan masyarakat Melayu sebagai Gedung Kuning.

Bagaimanakah mulanya bangunan dua tingkat itu disebut Gedung Kuning tidaklah diketahui, tetapi asal usulnya dapat dikesan sejak lebih 80 tahun yang lalu.

Bangunan itu telah didirikan oleh Tengku Mahmud, adik tiri kepada Tengku Allum (atau Tengku Along), anak tertua kepada Sultan Ali, yang memegang kuasa terhadap Istana Kampong Glam.

Sungguhpun mahkamah telah memutuskan dalam 1897 bahawa Tengku Mahmud akan mewarisi Kampong Glam ketika itu, tetapi dia tidak tinggal di Istana, malah membina rumahnya sendiri yang digelar Gedung Kuning.

Gedung itu, dengan berlantaikan marmar dan tiang serinya diperbuat dari kayu jati, mempunyai beberapa buah bilik serta halaman dan kebun, termasuk sangkar burung yang dibuat khas.

### Dihalau


Sesudah kematian Tengku Mahmud, gedung itu telah dijual kepada seorang bernama Haji Yusuf Haji Mohd Noor, yang sebaliknya menyewakan kepada orang luar. Antara mereka yang dikatakan pernah menyewa di situ ialah Raja Riau, yang dihalau oleh Pemerintah Belanda dari tanah airnya.

Tidak lama kemudian, gedung itu telah dijual kepada seorang saudagar Cina, tetapi hanya untuk tiga tahun. Kerana apabila saudagar itu meninggal, anak-anaknya berpindah keluar dan menjualnya balik kepada Haji Yusuf.

Keluarga Haji Yusuf telah tinggal di gedung tersebut semenjak kematiannya dalam 1950.



# Asal usul Gedung Kuning di Kg Glam



• Salah sebuah 'pondok' para pengawal di penjuru tembok yang mengelilingi gedung itu.